


SULIT



PEPERIKSAAN AKHIR

SESI : JUL-DIS 2013

SUBJEK : PENGAJIAN ISLAM
KOD SUBJEK : MPW 1143
KOD KURSUS : DMI, DGA, DEL, DMT
SEMESTER : 1,2,3,6
MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI
TARIKH : 13 / 11 / 2013

Arahan kepada calon:

- (a) Jawab soalan di bahagian I dan II berdasarkan arahan.
- (b) Jawapan hendaklah ditulis menggunakan dakwat biru atau hitam sahaja.
- (c) Jawapan perlu ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 10 mukasurat tidak termasuk mukasurat hadapan.





BAHAGIAN 1**SEKSYEN A: SOALAN ANEKA PILIHAN (25 MARKAH)**

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul.

1. 'Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan nilai baik dan buruk antara manusia sesama manusia serta antara manusia dengan alam dan Tuhan adalah merujuk kepada
A . Iman C. Islam
B. Ihsan D. Akhlak

2. Istilah Qadar di dalam rukun Islam adalah merujuk kepada
A. kadar atau had kemampuan manusia dalam kehidupannya
B. pelaksanaan perancangan yang telah ditetapkann oleh Allah s.w.t
C. pembalasan kepada setiap perbuatan manusia samada baik atau buruk.
D. perancangan yang telah siap ditetapkan oleh Allah s.w.t kepada hambanya.

3. Istilah tamadun diperkenalkan oleh:
A. Ibn Khaldun C. Jurji Zidan
B. Muhammad Abduh D. Farid Wajdi

4. Tamadun Islam berbeza dengan Tamadun Barat kerana Tamadun Islam:-
A. Tidak berasaskan kepada tauhid.
B. Menolak wahyu sebagai sumber ilmu.
C. Tidak memisahkan ilmu wahyu dengan ilmu intelek.
D. Diresapi dengan idea-idea berasaskan rasionalisme semata-mata.



5. Berikut adalah senarai tokoh fizik terkemuka dalam Tamadun Islam.

- I. Ibn Sina
 - II. Ibn Firnas
 - III. Ibn Al Haitham
 - IV. Keluarga Banu Musa bin Shakir
- A. I dan II C. I, II dan IV
B. I, III, dan IV D. semua di atas

6. Apakah yang dimaksudkan dengan seni Islam?

- A. Usaha mencipta bentuk yang menyenangkan.
- B. Ciptaan bentuk yang menghasilkan kesenangan.
- C. Aktiviti kesenian yang dilakukan oleh seorang seniman.
- D. Ciptaan bentuk yang mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai etik Islam.

7. Kesenian Islam didasarkan kepada prinsip-prinsip seperti

- I. Bersumberkan wahyu
 - II. Mementingkan persoalan kebenaran
 - III. Melibatkan hubungan kerohanian antara seniman dengan karya-karya seni
 - IV. Melibatkan hubungan manusia dengan pencipta, alam dan sesama manusia
- A. I, dan II C. I, II dan III
B. II, III dan IV D. I, II, III dan IV

8. Berikut adalah model-model bagi seni khat

- I. Khat rayhani
 - II. Khat jali
 - III. Khat riq'i
 - IV. Khat diwani
- A. I, dan II C. I, III dan IV
B. I, II dan III D. semua di atas



9. Antara berikut pernyataan yang manakah benar tentang tanggungjawab ibubapa kepada anak?
- A. Ibu bapa tidak perlu mengakikahkan anak.
 - B. ibubapa yang kaya tidak perlu mengajar anak untuk beserdehana kerana mereka mampu memiliki segalanya.
 - C. Suami tidak perlu bersabar sekiranya isteri mempunyai kerenah yang tidak disukainya.
 - D. Pemberian nafkah zahir hendaklah disandarkan kepada kehendak isteri, bukan di atas kemampuan suami.
10. Sunnah yang merujuk kepada perbuatan Nabi Muhammad dikenali sebagai sunnah
- A. Qauliyyah
 - B. Sunnah Masyhur
 - C. Fi'liyyah
 - D. Takririyyah
11. Penghayatan agama bermaksud _____
- A. Mendengarnya sahaja.
 - B. Memahami dan mempraktiskanya.
 - C. Memahami syariat tanpa mempraktisnya.
 - D. Mempraktis syariat tanpa memahaminya.
12. Apakah maksud pendidikan atau tarbiah mengikut pentafsiran Islam?
- A. Peningkatan kualiti pendidikan.
 - B. Penekanan pendidikan agama sahaja.
 - C. Penyebaran ilmu pengetahuan dunia dan akhirat.
 - D. Penyebaran, penghayatan dan pengamalan ilmu.
13. Prinsip perpaduan ummah tertegak di atas beberapa prinsip, KECUALI :
- A. Akal fikiran manusia
 - B. Qias menjadi prinsip ketiga.
 - C. Ijma' merupakan prinsip kedua.
 - D. Al Quran dan as-Sunnah sebagai panduan paling utama

14. Syarat-syarat penerimaan ibadah dalam Islam ialah :
- I. Ikhlas
 - II. Mencontohi Rasulullah s.a.w.
 - III. Beriman kepada Allah SWT.
- A. II dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. I dan III sahaja.
15. Mengapakah manusia perlu kepada Islam ?
- A. Memudahkan mendapat pangkat.
 - B. Kesesuaiannya dengan fitrah manusia.
 - C. Mengecapi kebahagiaan di dunia sahaja.
 - D. Membolehkan manusia memperolehi rezeki yang banyak.
16. "Sesuatu yang disandarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada Allah s.w.t". Perryataan tersebut merujuk kepada
- A. Hadis Ahad.
 - B. Hadis Qudsi.
 - C. Hadis Mauquf.
 - D. Hadis Masyhur.
17. Berikut menggambarkan keperibadian yang tinggi dalam Islam, KECUALI
- A. Menyombong diri.
 - B. Menyimpan perasaan marah dan dendam.
 - C. Menghormati orang yang lebih tua dan guru-guru.
 - D. Menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah.

18. Kesalahan berikut perlu dikenakan hukuman hudud KECUALI:-

- I. Murtad.
- II. Mencuri.
- III. Membunuh.
- IV. Melukakan orang lain.

- A. I dan II sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. III dan IV sahaja.
- D. I, II, dan IV sahaja.

19. Apakah ciri-ciri pemimpin Islam ?

- I. Tabah.
- II. Berjiwa rakyat.
- III. Kuat beribadat.
- IV. Keaktifan mental.

- A. I dan II sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. II dan III sahaja.
- D. I, II, III dan IV.

20. Kamal tidak cukup syarat untuk berkahwin dan tidak berkemampuan. Dia merupakan seorang lelaki yang panas baran, tidak bertanggungjawab serta tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara dirinya.

Nyatakan hukum perkahwinan pada situasi ini.

- A. Wajib.
- B. Haram.
- C. Harus.
- D. Makruh.

21. Apakah maksud pewarisan dalam Islam?

- A. Sistem turun temurun dari nenek moyang.
- B. Sistem untuk orang yang meninggal dunia.
- C. Sistem pemindahan hak milik dari seorang kepada orang lain.
- D. Sistem pemindahan hak milik org yg meninggal dunia kpd warisnya yang hidup.

22. “ Masyarakat Islam ditegakkan atas landasan _____.”
- I. Akidah
 - II. Syariah
 - III. Akhlak
 - IV. Tradisi
- A. I dan II C. II, III dan IV
B. I, II, dan III D. I,II,III dan IV
23. Yang manakah di bawah berikut **BUKAN** sumber ilmu yang diiktiraf Islam:
- A. Wahyu C. Khayalan
 - B. Ilham D. Pancaindera
24. Apakah yang dimaksudkan dengan ummah pertengahan ?
- A. Umat yang adil dan melampau dalam segala hal.
 - B. Umat yang adil dan melakukan amalan secara berlebih-lebihan.
 - C. Umat yang adil dan menfokuskan kepada kehidupan dunia semata-mata.
 - D. Umat yang adil dan umat pilihan yang sentiasa memiliki aspek kesederhanaan .
25. Modenisme Barat dikaitkan dengan perkara berikut:
- I. Hiburan II. Penulisan
 - III. Kesenian IV. Muzik
- A. I, II , III C. I, III dan IV
B. I, II, dan IV D. I, II, III dan IV



SEKSYEN B: NYATAKAN BETUL ATAU SALAH PADA SETIAP KENYATAAN YANG DISEDIAKAN. (15 M)

1.	Syariah terbahagi kepada ibadah, muamalah, jenayah dan ekonomi.	
2.	Yang dimaksudkan sebagai kurun terbaik ialah umat Islam yang hidup ketika zaman khulafa Ar-Rasyidin.	
3.	Tamadun Islam tidak mempunyai sebarang perbezaan dengan tamadun lain.	
4.	Ajaran Islam menggalakkan pembangunan yang pesat selari dengan perkembangan teknologi semasa dengan mengambil kira aspek pemuliharaan.	
5.	Setiap individu perlu menerima semua elemen kebudayaan asing supaya menjadi masyarakat yang maju.	
6.	Keilmuan Islam tidak semestinya melalui proses talaqqi (interaksi langsung guru & palajar) untuk memastikan ilmu yang diwarisi dapat kesahihannya.	
7.	Manusia boleh mengeksploitasi alam untuk kepentingan manusia tanpa mengira kesan baik atau buruk kepada alam daripada eksploitasinya itu.	
8.	Ibubapa disyorkan menyuruh anak-anak solat atau sembahyang pada usia 7 tahun dan merotan jika meninggalkan solat pada usia 10 tahun.	
9.	Ibubapa berkewajipan menyediakan peluang pendidikan untuk anak-anak supaya mereka boleh belajar diperingkat yang lebih tinggi.	
10.	Hukum perkahwinan adalah MAKRUH bagi lelaki yang berkemampuan dan jika beliau tidak berkahwin, maka dia tidak akan terjerumus ke lembah zina.	
11.	Sumber nilai yang paling utama dalam Islam ialah Ijmak dan Qias.	
12.	Kewajipan zakat untuk semua urusan ekonomi dan aset beku seperti emas dan perak adalah bagi mengurangkan jurang sosio-ekonomi dalam masyarakat.	
13.	Pandangan salah oleh Barat tentang kedudukan wanita dalam Islam ialah wanita Islam terbela dari penghambaan.	
14.	Antara ciri-ciri kesejagatan Islam sebagai pendukung dialog peradaban adalah ekonomi islam bertujuan untuk mengurangkan penindasan.	
15.	Dialog peradaban membawa erti usaha untuk mewujudkan persefahaman.	

BAHAGIAN 2**SEKSYEN A: ISI TEMPAYT KOSONG DENGAN JAWAPAN PALING TEPAT (15M)**

1. Menurut Haron Din (2000), tujuan Allah menurunkan undang-undang syariat adalah untuk menjaga lima perkara iaitu, _____, jiwa, akal, _____ dan keturunan.
2. Dalam Islam, kita percaya ilmu itu adalah milik Allah dan Allah memberikan ilmu kepada manusia mengikut tatacara tertentu seperti Wahyu, _____, intuisi, akal, dan _____.
3. Antara ciri-ciri keistimewaan tamadun Islam adalah bersifat _____ iaitu bersifat tidak berubah dari segi matlamatnya tetapi ia fleksibel dari segi perlaksanaanya.
4. Islam memperkenalkan pelbagai bidang seni termasuklah seni khat contohnya seperti, _____, khat Nasakh, khat Diwani, khat kufi dan _____.
5. Hukum perkahwinan terbahagi kepada wajib, harus, sunat, _____ dan makhruh.
6. Institusi awal pendidikan bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi, diantara institusi berkenaan adalah rumah Nabi, _____, _____, Suffah dan perpustakaan.
7. Khulafa Al-Rasyidin adalah, saidina Abu Bakar As-Siddiq, saidina _____, saidina Uthman ibn Affan, dan saidina _____.
8. Sumber perundangan Islam terbahagi kepada empat sumber iaitu, al-Quran, al- Hadith, al- Ijmak dan _____.
9. Pajak gadai di dalam ekonomi dan kewangan Islam dinamakan sebagai _____.
10. _____ bermaksud sikap atau perilaku suka merosakkan harta benda orang awan dan hasil seni alam.



SEKSYEN B : SOALAN STRUKTUR. (30 Markah)

Sila jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Nyatakan nama malaikat bagi tugas-tugas berikut. (4m)

Malaikat	Tugas
	Menyampaikan wahyu.
	Menjaga pintu syurga.
	Mencabut nyawa.
	Menyoal manusia di dalam kubur.

2. Nyatakan **TIGA (3)** ciri sesebuah Tamadun. (3m)
3. Suami isteri mempunyai tanggungjawab bersama mesti dipenuhi. Senaraikan **DUA (2)** tanggungjawab seorang isteri kepada suami, **DUA (2)** tanggungjawab seorang suami kepada isteri dan **DUA (2)** tanggungjawab bersama yang perlu dilaksanakan dalam sebuah keluarga. (6m)
4. Sebutkan **TIGA (3)** sumber perundangan Islam? (3m)
5. Nyatakan **EMPAT (4)** orang sahabat Rasulullah s.a.w yang dikenali sebagai khulafak ar-Rashidin. (4m)
6. Nyatakan **DUA (2)** kriteria penting yang perlu diamalkan dalam ekonomi dan perbankan Islam. (2m)
7. Nyatakan **DUA (2)** peranan ibu bapa dalam usaha mengatasi permasalahan moral. (2m)
8. Nyatakan **TIGA (3)** perbezaan diantara dialog dengan pertembungan peradaban. (6m)



SEKSYEN C : SOALAN ESEI. (15 Markah)

Pilih (SATU) soalan di bawah dan sila jawab menggunakan kertas jawapan yang disediakan.

- 1) Perpaduan ummah merupakan tuntutan kepada semua masyarakat Islam. Ia menjadi mesej terawal dan terpenting ketika agama Islam diutuskan kepada umat manusia melalui kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
Pada pandangan anda, apakah faktor yang menyebabkan perpecahan ummah berlaku. Nyatakan pendapat anda.

- 2) Dewasa ini pelbagai masalah keruntuhan akhlak semakin menular dalam kalangan masyarakat di Negara Malaysia mahupun Negara luar. Pada pendapat anda, adakah pelaksanaan hukum hudud, qisas, dan takzir wajar dilaksanakan di dalam sebuah Negara Islam?
Bincangkan cadangan untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak yang semakin parah ini.

KERTAS SOALAN TAMAT

